

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK KOMPUTER**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred FT17 :	P1T1	RM843.06	-	P1T26	RM2325.37
	P2T1	RM896.00	-	P2T26	RM2452.46
	P3T1	RM950.45	-	P3T26	RM2583.95
Gred FT22 :	P1T1	RM1932.06	-	P1T12	RM2863.79
	P2T1	RM2074.24	-	P2T12	RM3163.24
Gred FT26 :	P1T1	RM2216.41	-	P1T9	RM3015.05
	P2T1	RM2429.67	-	P2T9	RM3300.87

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T1); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Juruteknik Komputer adalah seperti di **Lampiran A1**).

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T2); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Juruteknik Komputer adalah seperti di **Lampiran A1**).

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17:P1T3); atau

(iv) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T6); atau

(v) sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T9);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred FT17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Juruteknik Komputer Gred FT17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Juruteknik Komputer boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Juruteknik Komputer Gred FT17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Juruteknik Komputer Gred FT17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Juruteknik Komputer hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED FT22**

9. Juruteknik Komputer Gred FT17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT22 yang kosong apabila telah :-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED FT26**

10. Juruteknik Komputer Gred FT22 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT26 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI
MAKLUMAT**

11. Juruteknik Komputer yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Teknologi Maklumat Gred F29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

LAMPIRAN A1**SENARAI BIDANG YANG PALING SESUAI UNTUK PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17 BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN
PEKERJAAN KEBANGSAAN**

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG	STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN		TAHAP
1.	Juruteknik Komputer Gred FT17, FT22, FT26	Sistem Komputer	IT-020-2	Pembantu Juruteknik Sistem Komputer	2
			IT-020-3	Juruteknik Sistem Komputer	3